

Giliran panjang antara punca kes lambat selesai

Jabatan Bantuan Guaman diakui berjaya ringan beban golongan tak mampu

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelbagai pihak yang menggunakan perkhidmatan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) melalui pengalaman berbeza, namun mengakui khidmat agensi kerajaan itu sangat membantu rakyat yang tidak berkemampuan.

Beberapa individu yang pernah menggunakan khidmat JBG, memaklumkan ada kes mereka yang diuruskan JBG dapat diselesaikan dalam masa singkat, ada pula perlu menunggu sehingga bertahun-tahun.

Bagi pengasuh kanak-kanak yang hanya mahu dikenali sebagai Siti 32, dari Puchong, tuntutan fasakh yang dibuatnya tahun lalu hanya mengambil masa beberapa bulan sebelum semuanya selesai.

Ibu tiga anak itu juga memaklumkan, dia hanya perlu mem-



Keratan akhbar BH semalam.

bayar RM30, iaitu RM10 bagi pendaftaran dan RM20 untuk urusan pembukaan fail.

"Kes cerai saya selesai dengan guna khidmat JBG dan saya bersyukur diberi layanan sangat baik. Dalam kes saya, hakim minta lantik peguam, jadi saya ke pejabat JBG untuk daftar kes dan seterusnya menunggu panggilan daripada mereka.

"Apabila mereka sudah terima kes, saya pergi sekali membawa semua dokumen dan pada bulan

sama dapat tarikh untuk hadir ke mahkamah," katanya menambah, peguam mewakili JBG yang menguruskan kes kemudian hadir ke mahkamah dan kes selesai hanya dalam beberapa kali perbicaraan.

Presiden Persatuan Wanita dan Ibu Tunggai Nur Iman Kuala Lumpur dan Selangor (WITUS), Sheila Tukiman, 52, yang berkongsi pengalaman sendiri, berkata kes perceraian sekitar 1997 memakan masa sembilan tahun untuk diselesaikan.

"Memang khidmat bantuan guaman itu sesuai bagi mereka yang tidak berkemampuan, tapi ia mengambil masa disebabkan giliran menunggu yang panjang, realitinya memang ada kes ambil masa bertahun-tahun," katanya yang hanya membayar RM1 ketika membuat pendaftaran.

Tambah baik khidmat

Dalam pada itu, Sheila berharap, pihak berkuasa berkaitan dapat menambah baik perkhidmatan bagi membolehkan urusan wanita, khususnya ibu tunggal yang mahu menuntut perceraian dapat menyelesaikan kes dalam masa singkat.

"Kami mahu proses penghakiman dipercepatkan dengan kaedah paling mudah, misalnya sebaik sahaja perceraian didaftarkan, nafkah wajib terus diberikan bekas suami, baru memberi keadilan kepada wanita," katanya.

Semalam, BH melaporkan JBG sering diberi tanggapan buruk dan disifatkan bersikap sambil lewa, mengambil mudah terhadap kes yang diadukan rakyat hingga didakwa sering kalah di mahkamah.

Bagaimanapun, Ketua Pengarahnya, Datuk Norazmi Mohd Narawi, menegaskan pegawai dan panel peguam swasta yang dilantik, tidak pernah bersifat sambil lewa dalam membantu rakyat memerlukan yang menggunakan khidmat agensi berkenaan.

Sebaliknya beliau berkata, aspek kualiti peguam panel sentiasa diberi perhatian menerusi kursus dan sebagainya bagi memastikan mereka setanding dengan peguam swasta.

Kami mahu proses penghakiman dapat dipercepatkan dengan kaedah paling mudah, misalnya sebaik sahaja perceraian didaftarkan, nafkah wajib terus diberi pihak bekas suami, baru memberi keadilan kepada wanita

Sheila Tukiman, Presiden WITUS



Kes cerai saya selesai dengan guna khidmat Jabatan Bantuan Guaman dan saya bersyukur diberi layanan sangat baik

Siti, Pengasuh kanak-kanak

